




**SOALAN PRAKTIS BESTARI  
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JJU)**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
EKONOMI ASAS  
Kertas 1/Set 2**

**3757/1**

1 1/4 jam

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

1. Perbualan berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.




Sumber ekonomi di atas berkaitan dengan

- A Buruh
- B Modal
- C Tanah
- D Usahawan

2. Pilih pernyataan yang benar mengenai jenis barang dalam ekonomi.

- A Barang ekonomi mempunyai penawaran tidak terhad.
- B Kerajaan tidak mengeluarkan barang percuma.
- C Barang awam mempunyai pengecualian penggunaan.
- D Kos lepas tidak diperlukan bagi pengeluaran barang awam.

3. Rajah berikut merujuk kepada penyelesaian suatu masalah ekonomi..



Kos lepas unit ekonomi di atas terdiri daripada

- A Barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan
- B Output kedua terbaik yang tidak dapat dikeluarkan
- C Projek kedua terbaik yang tidak dapat dilaksanakan
- D Keluaran kedua terbaik yang terpaksa ditangguhkan

4. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan satu penyelesaian masalah asas dalam satu sistem ekonomi..

Barang ekonomi dikeluarkan oleh pihak swasta manakala kerajaan membiayai projek-projek yang tidak berteraskan keuntungan

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh sistem ekonomi di atas?

- A Apa yang hendak dikeluarkan
- B Berapa hendak dikeluarkan
- C Bagaimana hendak dikeluarkan
- D Untuk siapa dikeluarkan

5. Maklumat berikut berkaitan ciri sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas.

Sistem Ekonomi	Penyelesaian masalah asas
Sistem Ekonomi Islam	Jika ramai buruh dalam ekonomi maka intensif buruh digunakan.
Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Firma memilih kaedah cekap dan kerajaan memilih kaedah memaksimumkan kebajikan rakyat
Sistem Ekonomi Kapitalis	Barang dikeluarkan mengikut permintaan pasaran
Sistem Ekonomi Campuran	Pengeluaran barang adalah untuk semua rakyat

Pilih pasangan yang benar mengenai maklumat di atas.

	Ciri	Masalah asas ekonomi
A	Manusia adalah pemegang amanah	Apa yang hendak dikeluarkan
B	Sumber ekonomi dimiliki oleh individu, firma dan kerajaan	Bagaimana hendak dikeluarkan
C	Tiada campur tangan kerajaan	Berapa yang hendak dikeluarkan
D	Kerajaan memiliki dan mengawal faktor pengeluaran	Untuk siapa dikeluarkan

6. Petikan di bawah berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan..

....permintaan terhadap kursus jururawat di institusi pengajian tinggi swasta mendapat sambutan hangat dalam kalangan remaja kini. Ini berikutan skim perjawatan yang telah dinaiktaraf, waktu bekerja yang lebih 'fleksible', cuti tahunan yang lebih panjang serta terdapat pelbagai kemudahan pinjaman seperti pinjaman perumahan....

Mengapakah individu di atas mengambil keputusan sedemikian?

- A Pengaruh keluarga
- B Faedah sampingan
- C Kelayakan akademik
- D Keadaan ekonomi semasa

7. Perbualan di bawah berkaitan jenis pendapatan individu.

Mujurlah kerajaan  
mengagihkan wang  
BRIM,dapat juga meringankan  
beban kewangan..


Saya mengharapkan pendapatan  
dari restoran kecil ini sahaja ..cucu  
saya ni dapat wang bantuan awal  
persekolahan..



Apakah jenis pendapatan yang terlibat di dalam perbualan di atas.

- I      Upah
  - II     Sewa
  - III    Untung
  - IV    Bayaran pindahan
- 
- A    I dan II
  - B    I dan III
  - C    II dan IV
  - D    III dan IV

8. Rajah menunjukkan penggunaan pendapatan boleh guna.



Apakah A dan B ?

	A	B
A	Pelepasan diri, isteri dan anak	Membayar insurans nyawa dan cukai pendapatan
B	Caruman Perkeso dan cukai pendapatan	Membayar upah, sewa, untung dan faedah
C	Perubatan ibu bapa	Membayar cukai tanah, zakat dan bayaran pindahan
D	Caruman insurans nyawa	Membayar caruman KWSP dan Perkeso

9. Pernyataan manakah yang menerangkan tentang belanjawan peribadi?

- A Belanjawan peribadi merupakan anggaran perbelanjaan individu untuk satu tempoh tertentu.
- B Untuk menyediakan belanjawan peribadi, seseorang mesti tahu jumlah tabungannya.
- C Dengan adanya belanjawan peribadi, perbelanjaan dan pendapatan dapat diselaraskan.
- D Semua perbelanjaan perkhidmatan adalah merupakan perbelanjaan tidak tetap.


10. Isi rumah berperanan sebagai

- A Penggabung faktor pengeluaran
- B Pembekal faktor pengeluaran
- C Pembekal barang dan perkhidmatan
- D Pembayar ganjaran faktor

11. Pilih pernyataan yang benar berkaitan isi rumah.

- A Mempunyai sumber pendapatan yang tidak terhad
- B Membayar ganjaran upah, sewa , untung dan faedah
- C Membuat pilihan antara dua jenis barang sahaja bagi sesuatu masa
- D Menikmati utiliti maksimum daripada penggunaan sesuatu barang


12. Pilih pernyataan yang benar mengenai konsep permintaan.
- A Permintaan individu ditakrifkan sebagai permintaan berkesan.
  - B Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
  - C Semakin tinggi harga barang, semakin banyak kuantiti yang diminta.
  - D Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah secara langsung.
13. Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan periuk pemanggang ajaib.



Mengapakah titik m bergerak ke titik n?

- A Pengguna lebih suka menggunakan periuk tanah
- B Harga periuk cap buaya turun
- C Harga periuk pemanggang ajaib turun
- D Penggunaan teknologi moden untuk mengeluarkan periuk


14. Rajah di bawah menunjukkan hubungan antara harga barang X dan kuantiti barang Y.



Apakah hubungan antara barang X dan barang Y?

- A Barang penggenap
- B Barang kehendak
- C Barang keperluan
- D Barang pengganti

15. Rajah di bawah menunjukkan perubahan permintaan bagi komputer riba.



Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan keluk D0D0 ke D1D1?

- A Upah buruh telah turun
- B Harga komputer tablet turun
- C Gaji kakitangan awam naik 15%
- D Kerajaan menaikkan cukai jualan 10%

16. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta bagi Barang X.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2	25
4	20
6	15

Jika harga barang meningkat daripada RM2 ke RM 6, apakah langkah yang perlu diambil oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan?

- A Menurunkan harga barang itu
- B Meningkatkan harga barang itu
- C Mengelakkan harga barang itu
- D Mengubah harga barang itu

17. Situasi berikut berkaitan dengan satu peristiwa berkaitan produk tenusu.

Kejadian keracunan makanan akibat menggunakan produk tenusu yang tercemar dari Negara China memberi kesan terhadap produk tenusu tempatan.

Apakah kesan yang akan berlaku terhadap produk tenusu tempatan?

- A Keluk permintaan beralih ke kanan
- B Bentuk keluk permintaan semakin curam
- C Kuantiti permintaan semakin berkurangan
- D Pergerakan di atas keluk permintaan yang sama

- 18 Gambar di bawah menunjukkan perbualan dua orang sahabat.



Berapakah nilai keanjalan harga permintaan ayam tersebut ?

- A 0.41
- B 2.45
- C 4.76
- D 5.00

19. Maklumat berikut berkaitan operasi Firma Cahaya Sendirian Berhad.

Jenis output	:	Tat telur
Keluaran	:	180 biji sehari
Pekerja	:	20 orang

Tambahan dua orang pekerja mahir menyebabkan output meningkat sebanyak 16.67%. Berapakah keluaran sut pekerja yang ke 22?

- A 9
- B 10
- C 15
- D 30

20. Jadual di bawah menunjukkan keluaran, kos tetap dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos Tetap (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	100	100
1	100	140
2	100	200

Pilih pernyataan yang benar berkaitan firma di atas.

- A Firma beroperasi dalam jangka panjang.
  - B Firma hanya menggunakan input tetap dalam operasinya.
  - C Firma tetap menggunakan input berubah walau pun tiada keluaran.
  - D Firma menanggung kos berubah yang semakin meningkat
- 21 Pilih pernyataan yang menerangkan tentang pasaran.
- A Contoh pasaran ialah pasar malam.
  - B Harga pasaran adalah harga yang dipersetujui oleh pembeli
  - C Pasaran ialah tempat untuk penjual dan pembeli bertemu secara langsung untuk menjalankan urusniaga.
  - D Dalam pasaran terdapat dua pihak yang mempunyai matlamat yang berlainan.
- 22 Jadual di bawah menunjukkan penawaran televisyen plasma dalam suatu pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (Unit)		
	Firma A	Firma B	Firma C
5000	200	150	100
4000	150	110	70
3000	100	70	40

Pilih pernyataan yang benar.

- A Pada tingkat harga RM5000 penawaran pasaran bagi televisyen plasma ialah 300 unit.
- B Penawaran televisyen plasma di pasaran berkurang sebanyak 120 unit apabila harga turun dari RM5000 ke RM4000.
- C Penawaran televisyen bertambah sebanyak 130 unit apabila harga naik dari RM3000 ke RM4000
- D Pada tingkat harga RM3000, penawaran pasaran ialah 990 unit.

23 Maklumat berikut menunjukkan proses penentuan keseimbangan pasaran.

Lebihan permintaan  $\rightarrow X \rightarrow$  Keseimbangan pasaran


Yang manakah merupakan proses X?

- A Harga meningkat
- B Penawaran meningkat
- C Pendapatan meningkat
- D Pengeluaran meningkat

24. Dalam aliran pusingan pendapatan, firma memberi ganjaran kepada isi rumah kerana

- A mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- B menggunakan barang barang dan perkhidmatan
- C membekalkan faktor pengeluaran
- D menguruskan faktor pengeluaran

25. Rajah di bawah menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh.



Apakah kesannya jika kadar upah buruh diturunkan daripada RM120 kepada RM 40 sehari

- I Kadar upah buruh naik
- II Keseimbangan pasaran buruh tercapai
- III Lebihan permintaan buruh sebanyak 60 orang
- IV Penawaran buruh sebanyak 70 orang
  
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

26. Pilih pernyataan yang benar mengenai wang.

- A Deposit semasa merupakan wang sah.
- B Wang syiling wajib diterima untuk semua jenis urusniaga.
- C Wang tanda mempunyai nilai muka yang sama dengan nilai sandaran.
- D Kuantiti wang kertas dikeluarkan bergantung kepada rizab antarabangsa.

27 Tindakan berikut boleh dilakukan melalui perkhidmatan arahan kepada bank.

- |  |   |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaransewarumah</li> <li>• Premium insurans</li> </ul> | * Bayaranpinjaman PTPTN<br>* Bayaranansurankekereta |
|--|---|

Apakah jenis arahan kepada bank tersebut?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

28 Pilih pasangan yang benar.

	Sistem Wang	Sistem Barter
A	Wang dapat ditukarkan dengan barang	Urusniaga berlaku secara mudah dan cepat
B	Harga barang ditentukan melalui sebutan harga	Semua jenis barang dapat ditukar dengan tepat
C	Nilai wang tidak mudah berubah	Sesetengah jenis barang mudah mengalami memerosotan nilai
D	Bayaran dapat dilakukan secara ansuran	Nilai pertukaran yang dipersetujui kini samadengan nilai pada masa hadapan

29. Pilih pernyataan yang benar mengenai Skim Perbankan Islam.

- A Urusan berasaskan kadar keuntungan
- B Menerima deposit tetap dan deposit tabungan
- C Hanya menerima deposit daripada orang Islam
- D Dikawal oleh Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (BAFIA) 19889

30. Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan Institusi Kewangan Bukan Bank terhadap ekonomi Malaysia.

X	Y
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan dana jangkapendek dan jangka panjang</li> <li>• Membiasai projek pembangunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk</li> <li>• Menyerap buruh melalui projek pelaburan</li> </ul>

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Menggalakkan pelaburan	Menjaga kestabilan ekonomi
B	Menggembung tabungan	Meningkatkan guna tenaga
C	Meningkatkan guna tenaga	Menggembung tabungan
D	Menjaga kestabilan ekonomi	Menggalakkan pelaburan

31. Jadual menunjukkan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar mengikut sektor ekonomi dari tahun 2009 hingga tahun 2013.

		Nilai KDNK (RM juta)				
Tahun Sektor \		2009	2010	2011	2012	2013
Sektor utama		116 449	117 385	116 633	117 913	120 931
Sektor kedua		171 420	190 686	199 703	210 512	222 352
Sektor ketiga		335 027	359 215	384 272	405 486	428 106

(Sumber : Ubahsuai *Laporan Ekonomi Malaysia 2013*)

Pernyataan manakah yang benar tentang arah aliran ekonomi Malaysia dari segi guna tenaga?

- A Sumbangan sektor utama semakin menurun
- B Sumbangan sektor kedua paling rendah pada tahun 2010
- C Sektor kedua merupakan penyumbang utama kepada KDNK negara
- D Sumbangan sektor ketiga meningkat hampir RM 30 000 juta setahun

32. Pernyataan di bawah berkaitan suatu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

- Harga barang naik secara berterusan
- Projek – projek kerajaan ditangguhkan

Antara yang berikut,yang manakah betul jika kadar faedah dinaikkan?

- I Jumlah pinjaman bertambah
  - II Keluaran negara bertambah
  - III Kuasa beli pengguna berkurang
  - IV Penawaran wang menurun
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

33. Cukai langsung merupakan cukai yang akan dikenakan
- A Apabila sesuatu harta dijual pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian.
  - B Terhadap komoditi utama yang dieksport ke luar negara.
  - C Terhadap barang keluaran tempatan dan juga barang yang diimport.
  - D Terhadap barang yang dikeluarkan di dalam negeri dan dijual di pasaran tempatan.
34. Pernyataan di bawah berkaitan satu jenis perbelanjaan kerajaan.



Antara yang berikut, yang manakah tergolong di dalam perbelanjaan di atas?.

- A Peruntukan perbelanjaan penyenggaraan jalanraya
  - B Bayaran pokok dan faedah terhadap hutang negara
  - C Peruntukan pembinaan kolej vokasional
  - D Bayaran gaji kakitangan kerajaan
35. Pernyataan yang manakah mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia(RM)?
- A Universiti Islam Antarabangsa Malaysia menerima 20 orang pelajar dari Brunei Darussalam.
  - B Persatuan Pengeluar Filem di Kuala Lumpur membuat lawatan kerja ke Los Angeles.
  - C Pengeluar penghawa dingin dari Malaysia membuka kilang di Seoul.
  - D Doktor dari Hospital Pakar Puteri Kuala Lumpur dipinjamkan ke Hospital King Fahd, Arab Saudi.

36. Makulmat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (US\$) pada tahun 2012 dan 2013.

Januari2012 US\$ 1 = RM 3.70
---------------------------------

Disember 2013 US\$ 1 = RM 3.39
-----------------------------------

Apakah kesan yang berlaku ke atas Malaysia pada tahun 2013 berbanding tahun 2014 ?

- A Jumlah eksport Malaysia akan meningkat
- B Imbangan dagangan Malaysia menjadi positif
- C Kuantiti import Malaysia dari Amerika Syarikat bertambah
- D Harga barang Amerika Syarikat di Malaysia menjadi mahal

**Soalan 37 hingga Soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37    I    Pinjaman luar negara tidak dipengaruhi oleh kadar pertukaran asing.  
       II    Kredit pembekal merupakan sejenis pinjaman luar negara.
- 38    I    Syarikat kewangan adalah institusi kewangan yang menawarkan pinjaman sewabeli.  
       II    Syarat sewabeli akan dilonggarkan pada masa kemelesetan.
- 39    I    Mobiliti faktor pengeluaran adalah bebas di dalam perdagangan antarabangsa.  
       II    Perdagangan antarabangsa mampu meningkatkan taraf hidup rakyat.
- 40    I    Tarif merupakan sekatan perdagangan antarabangsa yang mendatangkan hasil kepada negara  
       II    Perlaksanaan tarif akan meningkatkan kualiti barang import.

**KERTAS SOALAN TAMAT.**